

NO. SOALAN : 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
HAJI MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : 16.11.2015 (ISNIN)

DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menaik taraf dan menambah produk-produk jualan di Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) agar ianya terus mendapat sambutan baik daripada pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga kini, sebanyak **170 buah** Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah dibangunkan di seluruh negara. Bilangan produk 1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR) yang dijual di KR1M pula adalah berjumlah **234 SKU** yang majoritinya terdiri daripada kategori barangan keperluan harian. Semenjak dari awal pelaksanaan KR1M pada 2011, KR1M hanya menjual barangan yang diproses sahaja. Walau bagaimanapun, mulai 1 Mac 2014, KR1M turut menjual barangan basah seperti ayam, ikan dan sayur-sayuran yang telah dibungkus di KR1M-KR1M yang terpilih. Bekalan barangan ini diperolehi menerusi agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini bagi memastikan KR1M menjadi pusat sehenti bagi pengguna yang ingin membeli barangan keperluan harian termasuk barangan basah.

Di samping itu juga, pihak pengurusan KR1M juga sedang dalam perancangan untuk menambah bilangan produk 1MKR yang merangkumi rangkaian produk-produk lain seperti barangan kebersihan diri dan barangan am (*general merchandise*). Pembungkusan produk juga telah dinaik taraf untuk memberikan lebih tarikan dan menarik. Ini merupakan langkah yang diambil bagi menaik taraf serta menambah bilangan produk di KR1M agar ianya terus mendapat sambutan rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 16 NOVEMBER 2015
[ISNIN]
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]

SOALAN :-

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa banyak permohonan APDL (*Advertising Permit and Developer License*) pemaju-pemaju swasta Pulau Pinang belum diluluskan dan nilai DGV. Nyatakan sebab kelewatan, tempoh permohonan dan mengapakah diskriminasi yang melanggar peruntukan Perlembagaan dikenakan. Senaraikan permohonan dan kelulusan APDL mengikut pecahan negeri untuk tahun ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak mendiskriminasi mana-mana pihak dalam pemberian lesen pemajuan perumahan. Pada tahun 2014, bagi projek-projek di Pulau Pinang, Kementerian telah menerima sebanyak 35 permohonan lesen dan kesemua lesen tersebut telah diluluskan. Hanya permohonan yang benar-benar lengkap dan mematuhi semua syarat dan keperluan sahaja yang akan diluluskan demi menjaga kepentingan pembeli.